

## **AL-MA'TUH DAN KAITANNYA DENGAN KURANG UPAYA PEMBELAJARAN**

**ABDUL HAKIM BIN BAHARUDIN @ ISMAIL**

Fakulti Syariah & Undang-Undang

Universiti Islam Selangor

[abdulhakim@uis.edu.my](mailto:abdulhakim@uis.edu.my)

**MOHD MUSA BIN SARIP**

Fakulti Syariah & Undang-Undang

Universiti Islam Selangor

[mmusa@uis.edu.my](mailto:mmusa@uis.edu.my)

**MOHD RASYIDI BIN ALI**

Fakulti Syariah & Undang-Undang

Universiti Islam Selangor

[mohdrasyidi@uis.edu.my](mailto:mohdrasyidi@uis.edu.my)

### **ABSTRAK**

*Kewajipan syarak yang merupakan perintah Allah Taala hanya dikenakan ke atas individu yang bergelar mukalaf. Bagi mereka yang belum cukup atau hilang syarat-syarat mukalaf; baligh dan berakal, tidak dipertanggungjawabkan dengan bebanan syarak disebabkan kekurangan yang ada pada mereka. Perbincangan dalam usul fiqah membahagikan golongan yang tidak memenuhi syarat berakal kepada beberapa jenis, antaranya adalah al-ma'tuh. Dalam masa yang sama, timbul persoalan hukum berkaitan golongan yang tidak sempurna akal khususnya tentang kewajipan melaksanakan ibadah dan tuntutan syarak yang lain. Disebabkan terdapat pelbagai kategori kurang upaya yang melibatkan akal dan kewarasian serta tahap-tahapnya, maka hukum yang ditentukan tidak boleh sama pada setiap individu. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengetahui konsep al-ma'tuh dan kurang upaya pembelajaran dan tahapnya yang boleh dikaitkan dengan al-ma'tuh. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan melakukan analisis dokumen perbincangan para ulama usul dan fatwa masa kini berkaitan al-ma'tuh. Selain itu, penjelasan terhadap jenis-jenis kurang upaya pembelajaran juga dijadikan rujukan bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang perkara tersebut. Kajian ini mendapati perbincangan tentang al-ma'tuh oleh ulama mempunyai kaitan dengan sebahagian jenis-jenis kurang upaya pembelajaran dan ia boleh menjadi asas hukum bagi individu yang tergolong dalam kelompok ini.*

**Kata kunci:** Al-Ma'tuh, Masalah Pembelajaran, Autisme, Akal, Inklusif OKU

## PENDAHULUAN

Manusia dicipta oleh Allah SWT sebagai khalifah di atas muka bumi yang dibekalkan dengan akal dan wahyu. Wahyu diturunkan oleh Allah Taala melalui utusan Nya adalah sebagai panduan dalam kehidupan mereka. Ia mengandungi segala peringatan, pengajaran dan perundangan untuk difahami dan dilaksanakan oleh manusia. Kemampuan memahami perintah syarak adalah penting bagi membolehkan manusia melaksanakannya. Justeru itu, akal yang sempurna menjadi faktor kelayakan manusia untuk melaksanakan sesuatu perintah, diberikan ganjaran atas amalan yang dilaksanakan, menjalankan transaksi kewangan, pemilikan harta dan lain-lain.

Golongan yang tidak sempurna akal, secara umumnya akan terkecuali daripada kelayakan tersebut. Mereka adalah golongan yang lemah daripada membuat keputusan dan memilih laluan hidup. Oleh itu, tidak wajar mereka dihukum atas kecuaian daripada melaksanakan perintah Allah Taala. Sebagaimana firman Nya:

لَا يُكَافِدُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْسَبَتْ لَهُ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِنْ نَسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا  
تَحْمِلْنَا إِلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْنَاهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ  
لَنَا بِهِ ...

Maksudnya:

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahanan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami beban yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya.

(Surah al-Baqarah:

286)

Perbahasan taklif dalam ilmu usul al-fiqh oleh para ulama bukan hanya menjelaskan tentang ciri-ciri mukalaf bahkan dibincangkan secara terperinci kategori-kategori golongan hilang atau terhalang daripada status mukalaf. Antara kategori tersebut adalah *al-ma'tuh* selain daripada gila, pengsan dan tidur. Manakala dalam bidang psikologi dan sains kesihatan pula, pelbagai lagi jenis dan tahap kurang upaya dikenalpasti yang melibatkan gangguan pada kewarasan akal seseorang. Klasifikasi ini bukanlah berdasarkan dalil syarak mahupun perbincangan para ulama usul. Oleh itu, usaha untuk mengenalpasti kedudukan golongan kurang upaya ini di sisi syarak mengikut klasifikasi ilmu kesihatan adalah penting dalam membantu golongan yang tidak bernasib baik memenuhi tuntutan mereka sebagai hamba Allah SWT.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian ini memfokuskan kepada konsep *al-ma'tuh* yang dibincangkan oleh para ulama usul al-fiqh dan kurang upaya pembelajaran yang merupakan salah satu kategori kurang upaya. Oleh itu, data diperolehi melalui kaedah analisis dokuman daripada sumber-sumber seperti buku, penulisan ilmiah dan laman sesawang rasmi agensi kerajaan dan pihak-pihak persendirian yang ada membincangkan perkara berkaitan.

## TAKLIF DALAM HUKUM SYARAK

*Al-mahkum 'alaih* yang juga dikenali sebagai mukalaf merupakan salah satu rukun dalam hukum syarak. Terdapat dua syarat utama yang perlu dipenuhi bagi melayakkan seseorang bergelar mukalaf. Syarat yang pertama adalah mampu untuk memahami dalil taklif iaitu dengan menggunakan akal bagi memahami sesuatu perintah dan kedua adalah baligh. Justeru itu, sesiapa yang tidak mempunyai kemampuan akal untuk memahami sesuatu perintah dan belum cukup umur yang menjadikan akalnya matang maka dia tidak memenuhi syarat mukalaf seperti orang gila dan kanak-kanak (Al-Zuhaily, 1986). Ketetapan ini berdasarkan hadis nabi SAW:

رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ ثَلَاثَةِ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّىٰ يَخْتَلِمْ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّىٰ يَسْتَيقِظَ وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّىٰ يَغْرِي

Maksudnya:

Diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib: Tiga golongan yang tidak tercatat dosa dan pahala: orang yang tidur sehingga dia bangun tidur, kanak-kanak sehingga dia mimpi basah dan orang yang gila sehingga dia kembali berakal.

(Riwayat Abu

Daud)

## DEFINISI AL-MA'TUH

*Al-ma'tuh* berasal daripada perkataan *al-'atah* yang bermaksud kekurangan pada akal yang tidak mencapai tahap gila pada bahasa. Dari segi istilah pula, ia adalah penyakit yang timbul pada diri sendiri yang menyebabkan kecacatan pada akal. Penyakit ini menjadikan akal seseorang itu bercampur baur sehingga menjadikan sebahagian percakapannya seperti orang yang waras dan sebahagiannya seperti orang gila (WAF, 2006) (Al-Maany, 2024). Maksud *al-ma'tuh* dalam hadis Nabi SAW menurut Ibnu Hajar adalah kekurangan akal termasuklah kanak-kanak, orang gila dan orang mabuk (Al-Mubarakfuri, 2021).

Zaidan (1996) menjelaskan *al-'atah* sebagai kekurangan pada akal yang menjadikan seseorang kurang memahami, ucapan yang bercampur-campur dan pengurusan hidup yang buruk. Kekurangan ini juga dikategorikan sebagai penghalang taklif secara semula jadi yang berlaku bukan atas pilihan seseorang. Khallaf (1947) pula menetapkan *al-ma'tuh* termasuk dalam kelompok kanak-kanak mumayyiz yang mempunyai kelayakan mengurus yang tidak sempurna atau kurang. Mereka bukanlah orang yang cacat atau tiada akal tetapi mempunyai akal yang lemah maka hukumnya seperti kanak-kanak mumayyiz.

Terdapat perbezaan maksud *al-ma'tuh* yang dijelaskan oleh merujuk kepada seseorang mempunyai kekurangan pada akal dan menjadikan dia seperti orang yang tidak normal. Mereka adakalanya kelihatan seperti orang gila walaupun hakikatnya tidak sedemikian. Kekurangan yang dihadapi menjadikan mereka sukar untuk bercakap, memahami sesuatu dan gangguan pada pengurusan hidup. Gangguan yang dihadapi golongan ini hanyalah melibatkan akal atau intelektual dan tidak melibatkan mental dan emosi.

### **ISTILAH LAIN YANG MENYERUPAI *AL-'ATAH***

Terdapat beberapa kategori lain selain daripada *al-'atah* yang dibincangkan oleh para ulama berkaitan sebagai penghalang taklif. Antaranya adalah *al-junun*, *al-jahl* dan *al-safah*. *Al-junun* adalah kecacatan pada akal yang menghalang perlakuan dan percakapan seseorang daripada mengikut cara pemikiran kecuali kadangkala sahaja (Al-Zuhaily, 1986). Ia terbahagi kepada dua kategori; gila yang berterusan dan tidak berterusan. Orang gila berterusan tidak ditaklif untuk melaksanakan ibadah yang diwajibkan sama ada secara tunai mahupun *qadha'* selepas dia waras. Manakala orang gila yang tidak berterusan bertanggungjawab menggantikan ibadah yang tidak dilaksanakan ketika gila selepas dia kembali waras (Zaidan, 1996).

*Al-jahl* iaitu jahil pula merupakan lawan kepada mengetahui. Kejahilan ini tidak dikira sebagai satu keuzuran bagi orang yang berada di negara umat Islam kerana persekitaran akan membantunya mengetahui tentang hukum-hakam agama. *Al-safah* pula dijelaskan sebagai perbuatan seseorang melakukan transaksi kewangan yang bersalahan dengan tuntutan syarak dan akal sedangkan dia dalam keadaan berakal (Zaidan, 1996). Walaupun *al-safah* juga bermaksud bodoh dan kurang akal, fuqaha lebih cenderung menjelaskannya sebagai perbuatan seseorang melakukan pembaziran harta atau merosakkannya dengan cara yang bertentangan dengan syarak dan akal (Al-Zuhaily, 1986).

### **HUKUM DAN FATWA BERKAITAN *AL-MA'TUH***

Selain daripada lafaz hadis yang telah dinyatakan di atas, terdapat hadis lain yang hampir sama dan juga diriwayatkan oleh Saidina Ali bin Abi Talib. Tetapi pada hadis ini, lafaz *al-majnun* digantikan dengan lafaz *al-ma'tuh*:

رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ ثَلَاثٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتِيقَظَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَسْبَبَ وَعَنِ الْمَعْوُهِ حَتَّى يَعْقِلَ

Maksudnya:

Diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib: Tiga golongan yang tidak tercatat dosa dan pahala: orang yang tidur sehingga dia bangun tidur, kanak-kanak sehingga dia mimpi basah dan orang yang gila sehingga dia kembali berakal.

(Riwayat al-Tirmizi)

Selain itu, juga terdapat hadis berkaitan talak yang dilafazkan oleh *al-ma'tuh*:

كُلُّ طَلاقٍ جَائزٌ إِلَّا طَلاقَ الْمَعْوُهِ الْمَغْلُوبِ عَلَى عَقْلِهِ

Maksudnya:

Setiap talak itu hukumnya harus kecuali talak *al-ma'tuh* yang tidak waras.

(Riwayat

al-Tirmizi)

Lafaz *al-ma'tuh* pada kedua-dua hadis tersebut merujuk kepada konteks yang lebih luas daripada perbincangan dalam usul al-fiqh. Ia bermaksud sesiapa sahaja dalam keadaan yang tidak mempunyai akal yang waras sama ada gila, mabuk dan sebagainya sebagaimana penjelasan oleh Ibnu Hajar yang telah dinyatakan sebelum ini. Namun begitu, hadis ini boleh dijadikan asas hukum bagi golongan *al-ma'tuh* yang difokuskan dalam kajian ini kerana ianya adalah sebahagian daripada kefahaman konteks hadis yang luas.

Ibnu Nujaim (1999) menghukumkan *al-ma'tuh* seperti kanak-kanak berakal yang sah ibadah mereka, tetapi tidak wajib. Golongan ini mempunyai kelayakan *wujub* secara sempurna tetapi tiada kelayakan *ada'* apabila mereka seperti orang gila. Manakala jika situasi mereka seperti orang yang waras, mereka mempunyai kelayakan *ada'* secara tidak sempurna (Al-Judai', 1998). Zaidan (1996) membahagikan *al-ma'tuh* kepada dua kategori; pertama, mereka yang langsung tidak mempunyai kemampuan untuk memahami dan membezakan sesuatu. Maka golongan ini adalah seperti orang gila pada syarak. Keduanya, golongan yang mempunyai kemampuan untuk memahami dan membezakan sesuatu tetapi tidak sampai ke tahap orang yang waras. Di sisi syarak, *al-ma'tuh* seperti ini yang telah dewasa dan baligh adalah seperti kanak-kanak mumayyiz. Dalam muamalah, transaksi yang semata-mata memberikan manfaat kepada mereka akan sah dan tidak sah jika ia semata-mata memudaratkan (Khallaq, 1947).

Dalam fatwa Jabatan Mufti Johor (2020) yang tidak diwartakan, *al-ma'tuh* ada dikaitkan dengan orang kurang upaya mental. Fatwa yang dikeluarkan adalah bagi menjawab persoalan berkenaan hukum berkhatan bagi pelajar yang terencat akal.

...hukum wajib khatan ke atas muslim dikecualikan kepada muslim yang mengalami kerencatan akal dari kategori ma'tuh (lembab). Ma'tuh membawa maksud kurang akal iaitu menghilangkan kemampuan seseorang untuk mengenal, mengecam dan mengetahui sesuatu perkara bagi membuat pertimbangan yang betul. Orang yang kurang akal dan tidak mampu membezakan yang baik dan buruk, ulama' feqah berpendapat dan memutuskan bahawa orang yang dikategorikan ma'tuh terlepas daripada kewajipan syarak badaniah.

Fatwa ini menyimpulkan bahawa hukum kewajipan berkhatan bagi kanak-kanak yang kurang upaya intelektual bergantung kepada tahap kecacatan yang dialami. Bagi yang mengalami kecacatan akal yang teruk, berkhatan tidak diwajibkan ke atas mereka.

Perbincangan dalam Irsyad Hukum oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019) ada menjelaskan tentang kewajipan solat ke atas warga emas yang menghidap penyakit Alzheimer. Pesakit yang menghidap penyakit ini berhadapan dengan masalah lupa atau nyanyuk yang menyebabkan kelemahan pada pertuturan, kewarasan, ingatan dan pertimbangan. Selain itu ia akan menyebabkan perubahan pada personaliti dan tingkah laku

pesakit. Menurut perbincangan tersebut, pesakit Alzheimer mempunyai persamaan dengan *al-ma'tuh* dan mengambil hukumnya. Namun begitu, pada tahap permulaan dan pertengahan penyakit ini, pesakit masih wajib melaksanakan solat dengan bantuan ahli keluarga.

## KURANG UPAYA PEMBELAJARAN DAN JENIS-JENISNYA

Jabatan Kebajikan Malaysia di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membahagikan orang kurang upaya kepada 7 golongan; pendengaran, penglihatan, fizikal, pertuturan, pembelajaran, mental dan kurang upaya pelbagai. OKU masalah pembelajaran dijelaskan sebagai “seseorang yang menghadapi masalah kecerdasan otal yang tidak selaras dengan usia biologikalnya. Mereka yang tergolong dalam kategori ini adalah lembam, down syndrome, kurang upaya intelektual, autisme, Attention Deficit Hyperactive Disorder (ADHD), masalah pembelajaran spesifik (*dyslexia, dyscalculia, dysgraphia*) dan lewat perkembangan global (*global development delay*)” (SPAM, 2024).

Kurang upaya intelektual bermaksud “satu masalah perkembangan yang bermula semasa zaman kanak-kanak dan bercirikan defisit ketara dalam kedua-dua fungsi intelektual dan tingkah laku adaptif, termasuk kemahiran konseptual, sosial dan praktikal” (Sarvananthan, 2017). Ia juga dijelaskan sebagai “pelbagai isu yang menyebabkan masalah yang ketara dalam mendengar, bertutur, membaca, menulis, membuat keputusan, atau menyelesaikan masalah matematik. Masalah ini berpunca daripada kerosakan yang telah berlaku pada pusat sistem saraf” (Abol M. T & Nordin Z. S., 2023).

Menurut Rawe (2024) terdapat 13 kategori kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran dan memerlukan sokongan pendidikan khas untuk mereka:

- i. Gangguan belajar khusus – Dyslexia, dyscalculia & dysgraphia
- ii. Gangguan pertuturan dan bahasa
- iii. Gangguan Spektrum Autism (ASD)
- iv. Pendengaran
- v. Penglihatan
- vi. Gangguan kesihatan lain, seperti gangguan kurang daya tumpuan dan hiperaktif (ADHD)
- vii. Ketidakupayaan intelektual
- viii. Gangguan emosi
- ix. Kecacatan perkembangan
- x. Berbagai ketidakupayaan
- xi. Kecacatan ortopedik
- xii. Trauma kecederaan otak
- xiii. Pekak dan buta (sekaligus)

## KURANG UPAYA PEMBELAJARAN DAN TAHAP-TAHAPNYA

Sebahagian besar daripada kurang upaya pembelajaran mempunyai tahap keterukan simptom dan keadaan penghidap yang berbeza. Umumnya, ia dibahagikan kepada tiga tahap; ringan,

sederhana dan teruk (JKM, 2021). Sebagai contoh, autism yang merupakan salah satu oku yang sering didapati dalam masyarakat di seluruh dunia. Seramai 75 juta orang dianggar menghidap autism dengan peratusan 1 peratus dari seluruh penduduk dunia. Walau bagaimanapun, jumlah di Amerika Syarikat kadarnya lebih tinggi iaitu 1 daripada 36 orang adalah penghidap autism (The Tree Top, 2024).

Pada tahap pertama autism, penghidap menghadapi masalah untuk berkomunikasi dan bersosial walaupun mereka boleh bertutur dengan baik. Selain itu, mereka akan menunjukkan tingkah laku tidak fleksibel akibat faktor persekitaran. Walaupun pada tahap ini simptomnya adalah ringan, namun sokongan daripada ahli keluarga tetap diperlukan. Pada tahap kedua, penghidap memerlukan sokongan keluarga yang substantial iaitu lebih daripada tahap satu. Pada tahap ini, simptom autism adalah lebih berat seperti pertuturan yang lebih terhadap dan sukar menghadapi perubahan pada persekitaran. Manakala pada tahap ketiga, keadaan mereka adalah lebih ekstrem daripada tahap pertama dan kedua seperti hanya bercakap dengan perkataan-perkataan tertentu sahaja dan menunjukkan interaksi sosial yang terhad dan tidak normal (Ng, 2022).

Ketidakupayaan intelektual atau juga dikenali sebagai “*mental retardation*” juga salah satu kurang upaya pembelajaran. Golongan ini berhadapan dengan masalah pada fungsi kognitif seperti pembelajaran, penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Selain itu, fungsi pada penyesuaian diri juga terganggu yang melibatkan kemahiran berkomunikasi dan bersosial. Jika dilakukan ujian IQ pada golongan, mereka akan mendapat skor di bawah 70 berbanding individu normal akan mendapat skor 70 -75. Kajian juga menunjukkan, gangguan kesihatan mental, perkembangan saraf, fizikal dan perubatan seringkali akan berlaku pada individu yang mengalami ketidakupayaan intelektual (APA, 2024).

## DAPATAN KAJIAN

*Al-ma'tuh* merujuk kepada individu yang mengalami kekurangan pada akal yang mengganggu kemampuan untuk memahami, bertutur dan pengurusan hidup. Terdapat perbezaan takrifan ulama terhadap maksud *al-ma'tuh*. Sebahagian mereka menetapkannya boleh berada pada keadaan hampir kepada gila maka hukum mereka seperti orang gila atau hampir kepada waras dan berakal, maka mereka seperti kanak-kanak mumayyiz. Manakala sebahagiannya mengkhususkan *al-ma'tuh* kepada orang mempunyai kekurangan intelektual dan bukannya cacat akal seperti orang gila. Perbezaan ini hanyalah bersifat *khilaf lafzi* dalam menjelaskan maksud *al-ma'tuh* dan tidak berbeza pada penetapan hukum.

Oleh itu, hukum bagi *al-ma'tuh* adalah mengikut situasi penghidapnya. Jika tahapnya ringan dan hampir seperti orang yang waras, maka dihukumkan seperti kanak-kanak mumayyiz. Mereka tidak diwajibkan dengan perintah syarak dan ibadah yang dilaksanakan serta transaksi kewangan yang tidak memudaratkan adalah sah. Manakala individu yang mengalami simptom yang teruk atau hampir seperti orang gila, maka dihukumkan seperti orang gila. Pada tahap ini, mereka tidak diwajibkan dengan perintah syarak serta sebarang ibadah dan transaksi kewangan yang dijalankan adalah tidak sah.

Perbincangan oleh para ulama terdahulu penting sebagai asas penentuan hukum bagi golongan kurang upaya pembelajaran. Namun begitu, ilmu psikologi dan sains kesihatan

yang lebih terperinci boleh membantu untuk menentukan status dan tahap kurang upaya seseorang dengan lebih tepat. Contohnya ujian tahap IQ dan pemerhatian terhadap symptom boleh dijadikan indikator kepada golongan yang tidak sempurna akal dengan mengikut pembahagian kategori dalam perbahasan usul al-fiqh.

## PENUTUP

Perbincangan tentang taklif dan perkara-perkara yang menghalangnya merupakan perbahasan yang penting untuk difahami oleh setiap lapisan masyarakat. Ia bukan hanya khusus kepada para fuqaha atau penuntut dalam bidang syariah semata-mata bahkan masyarakat awam juga perlu didekah tentang perkara ini. Ini kerana situasi dan keadaan kekurangan dan gangguan pada akal boleh berlaku pada sesiapa sahaja termasuklah keluarga terdekat. Selain itu, perbahasan ilmu oleh para ulama terdahulu tidak seharusnya dipisahkan daripada kajian dan pendekatan moden. Kedua-dua perlu digarap bersama bagi memudahkan kefahamannya dan menjadikan tinggalan ilmu para ulama terdahulu sentiasa segar dan mampu memenuhi tuntutan semasa.

## RUJUKAN

- Abol, Mohamad Taha & Nordin, Zaimuariffudin Shukri. (2023). Kepelbagaiannya Gaya Pembelajaran Murid Kurang Upaya Intelektual dalam Program Pendidikan Inklusif di Sarawak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1-20.
- Association, A. P. (8 Ogos, 2024). *American Psychiatric Association*. Retrieved from <https://www.psychiatry.org/patients-families/intellectual-disability/what-is-intellectual-disability>
- Clinic, C. (4 Julai, 2024). *Cleveland Clinic*. Retrieved from <https://my.clevelandclinic.org/health/diseases/6005-dyslexia>
- Ibnu Nujaim, Z. b. (1999). *Al-Asybah Wa al-Nazair*. Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Islamiyyah, W. a.-A.-S. (2006 ). *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Wizarah al-Awqaf Wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Johor, J. M. (29 1, 2020). *Al-Irsyad, Jabatan Mufti Johor*. Retrieved from [https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan\\_detail\\_fatwa.php?id=841&\\_ncforminfo=aX4tsRetCtlqz2Jql5ktWcpdwGrBtEWAaXNilDw4GQxIdDYbcix-bySAZqGrd0JhnsPxJdbAnrbUQ6VLYRIsUljjPkFX7c](https://said.johor.gov.my/perkhidmatan/paparan_detail_fatwa.php?id=841&_ncforminfo=aX4tsRetCtlqz2Jql5ktWcpdwGrBtEWAaXNilDw4GQxIdDYbcix-bySAZqGrd0JhnsPxJdbAnrbUQ6VLYRIsUljjPkFX7c)
- Al-Judai', A. B. (1998). *Taysir 'Ilm Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Khallaft, A. W. (1947). *'Ilmu Usul al-Fiqh*. Kaherah: Maktabah al-Da'wah al-Islamiyyah Syabab al-Azhar.
- Al-Maany. (29 6, 2024). *Al-Maany*. Retrieved from <https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/%D8%A7%D9%84%D8%B9%D8%AA%D9%87/>

- Malaysia, S. P. (26 Julai, 2024). *Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia*. Retrieved from <https://www.spa.gov.my/spa/panduan/kategori-orang-kurang-upaya-oku>
- Masyarakat, J. K. (14 April, 2021). *Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Retrieved from [https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHhacVN4aHN\\_PbUIPayt2QT09](https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=UnN2U3dtUHhacVN4aHN_PbUIPayt2QT09)
- Al-Mubarakfuri, M. B.-R. (2021). *Tuhfah al-Ahwazi Bi Syarh Jami' al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ng, A. (25 Julai, 2022). *Fit In*. Retrieved from <https://fitin.edu.my/2022/07/25/3-tahap-autisme-yang-perlu-difahami/>
- PMWP. (6 Januari, 2019). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. Retrieved from [https://muftiwp.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=2991&catid=85:irsyad-fatwa-umum&Itemid=422&lang=ms](https://muftiwp.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=2991&catid=85:irsyad-fatwa-umum&Itemid=422&lang=ms)
- Rawe, J. (9 April, 2024). *Understood*. Retrieved from <https://www.understood.org/en/articles/conditions-covered-under-idea>
- Sarvananthan, R. (9 Nov, 2017). *Pengasuhan Positif*. Retrieved from <https://mypositiveparenting.org/ms/2017/11/09/mengasuh-anak-kurang-upaya-intelektual/>
- Top, T. T. (17 Julai, 2024). *The Tree Top*. Retrieved from <https://www.thetreetop.com/statistics/autism-prevalence>
- Zaidan, A. K. (1996). *Al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Zuhaily, W. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dimasyq: Dar al-Fikr.